KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **9 April 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 5

# KPDN ambil maklum mesej tular harga LPG, panggil syarikat untuk penjelasan

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil maklum mengenai mesej tular berhubung pelarasan harga gas petroleum cecair (LPG) oleh sebuah syarikat di Negeri Sembilan.

KPDN dalam satu perkongsian di Facebook memaklumkan bahawa pelarasan harga yang dipaparkan adalah melibatkan silinder gas komersial dan bukan silinder gas domestik bersubsidi.

"Bagaimanapun, satu tindakan segera telah diambil bagi memanggil pihak syarikat berkenaan.

"Ia bagi mendapatkan penjelasan bersandarkan perundangan Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) serta Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723)," katanya.

KPDN turut menegaskan, sebarang kenaikan harga dalam senarai barang kawalan seperti LPG perlu dirujuk kepada pihak kementerian.

"Pengguna dinasihatkan untuk melaporkan sebarang maklumat yang tidak sahih atau memanjangkan aduan kepada KPDN menerusi WhatsApp di talian 019-848 8000, portal e-Aduan KPDN (https://eaduan.kpdn.gov.my), pusat panggilan 1-800-886-800 dan aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN," ujar KPDN.

Terdahulu, tular satu notis pemakluman sebuah syarikat mengenai pelarasan harga LPG melibatkan C14C (14 kilogram komersial) iaitu kenaikan RM14 bagi setiap tong dan C50 (50 kilogram) dengan kenaikan RM50 setiap tong. - *Bernama*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 9/4/2026

M/SURAT: 21



ANGGOTA penguatkuasa KPDN melakukan pemeriksaan minyak masak yang ditemui di sebuah premis memproses makanan ringan di Kampung Sungai Limau, Baling. - Gambar NSTP/IHSAN KPDN

# 'Stok' goreng kerepek

## *288 paket minyak disita dalam serbuan di premis proses makanan*

**Oleh Zuliaty Zulkiffli**
am@hmetro.com.my

**Alor Setar**

Sebuah premis kediaman memproses makanan ringan di Kampung Sungai Limau, Baling, diserbu pihak berkuasa kerana memiliki 288 kilogram (kg) minyak masak secara tidak sah.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, serbuan dilakukan oleh anggota penguat kuasa KPDN Cawangan Baling, Ahad lalu pada jam 11 pagi.

Beliau berkata, serbuan dilakukan empat anggota penguat kuasa KPDN Baling selepas melakukan risikan sejak seminggu lalu berikutan aduan diterima.

"Hasil pemeriksaan membawa kepada penemuan sejumlah minyak masak yang dipercayai digunakan untuk menggoreng kerepek.

"Seorang lelaki warga tempatan berusia 33 tahun dipercayai pemilik premis itu gagal mengemukakan permit atau kebenaran Pengawal Bekalan bagi tujuan menyimpan minyak masak berkenaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Muhammad Nizam berkata, tindakan itu suatu kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Berikutan itu, pasukan serbuan menyita sebanyak 288 peket minyak masak polibeg satu kilogram (kg) untuk siasatan lanjut dan jumlah sitaan keseluruhan dianggarkan bernilai RM720.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) dan mana-mana orang jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan penalti sehingga RM1 juta atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

"Manakala kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan bagi pertubuhan atau perbadanan, denda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya," katanya.

KPDN memberi amaran keras bahawa sebarang cubaan oleh mana-mana pihak, sama ada individu mahupun sindiket yang cuba menyeleweng subsidi negara adalah satu bentuk pengkhianatan.

Sebarang aduan atau maklumat berkaitan boleh disalurkan melalui WhatsApp 019-848 8000 atau Portal e-Aduan KPDN iaitu http://eaduan.kpdn.gov.my atau Call Centre 1-800-886-800 selain itu Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN.

# Bukan 'pilih kasih', subsidi diesel keperluan mendesak untuk Sabah

**KOTA KINABALU: Keputusan kerajaan Persekutuan mengekalkan subsidi diesel pada kadar RM2.15 seliter di Sabah, Sarawak, dan Labuan bukan langkah "pilih kasih", sebaliknya ia keperluan mendesak berdasarkan realiti sosioekonomi di wilayah berkenaan.**

Pemimpin negeri ini melihat faktor geografi yang luas dan mencabar menjadikan diesel sebagai nadi pergerakan utama rakyat marhaen, dengan pengangkutan darat mahupun air menggunakan bahan bakar tersebut untuk menghubungkan kawasan pedalaman ke pusat bandar terutama bagi membawa barang keperluan harian.

Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah Datuk Jamawi Jaafar berkata faktor muka bumi dan keadaan infrastruktur jalan raya yang mencabar menjadikan kenderaan berenjin diesel terutamanya pacuan empat roda sebagai keperluan utama penduduk berbanding di Semenanjung.

Beliau berkata situasi itu memperlihatkan keputusan kerajaan Persekutuan mengekalkan subsidi bahan api tersebut di negeri ini amat bertepatan dan wajar difahami oleh seluruh masyarakat luar.

"Kita mengucapkan terima kasih atas kebijaksanaan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengekalkan subsidi diesel di Sabah dan Sarawak kerana keadaan geografi dan keperluan perjalanan harian kita di sini jauh berbeza," katanya kepada Bernama.

Beliau dalam pada itu turut mengingatkan penduduk di negeri ini agar sentiasa menggunakan kemudahan subsidi tersebut secara berhemah dan bekerjasama mengelakkan penyelewengan.

Bagi melindungi kelangsungan pemain industri makanan pula, Jamawi memaklumkan pihaknya kini giat berunding dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memastikan petani kecil di Sabah tidak tercicir daripada manfaat subsidi berkenaan.

Beliau berkata bagi mendepani kenaikan kos operasi akibat ketidaktentuan harga pasaran baja kimia semasa pula, petani amat digalakkan untuk beralih kepada penggunaan baja kompos yang lebih kos efektif.

Sementara itu, bekas Menteri Belia dan Sukan Sabah Tan Sri Liew Yun Fah menegaskan pengekalan subsidi diesel di Sabah bukan satu bentuk ketidakadilan kepada negeri lain.

Presiden Parti Harapan Rakyat Sabah (PHRS) yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merotai itu berkata langkah tersebut sebaliknya amat wajar kerana mengambil kira realiti perbezaan ketara dari segi kemudahan asas, kualiti jalan raya serta kos logistik yang sangat tinggi.




Beliau menjelaskan bahawa rakyat di Sabah selama ini sentiasa bertoleransi apabila berdepan pelbagai kekangan jalan raya yang jauh lebih daif dan tidak mempersoalkan jurang pembangunan berkenaan.

"Jarak Kuala Lumpur ke Perlis dalam 500 kilometer (km) mengambil masa kira-kira enam jam sahaja, manakala perjalanan dari Kota Kinabalu ke Tawau yang sejauh kira-kira 450 km mengambil masa hampir 10 jam.

"Perjalanan panjang ini berlaku kerana keadaan jalan yang teruk, kenderaan terdedah kepada kerosakan dan ketiadaan kawasan Rehat dan Rawat (R&R)," katanya.

Turut senada, Menteri Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah Datuk James Ratib yang menzahirkan harapan agar kerajaan terus mengekalkan subsidi itu bagi mengelak lonjakan kos sara hidup rakyat.

"Sebarang kenaikan harga bahan api dikhuatiri akan mencetuskan kesan rantaian secara langsung terhadap peningkatan kos pengangkutan yang pada akhirnya terpaksa ditanggung oleh pengguna. Kita di Sabah bukan semua orang kaya," katanya.

James menjelaskan bahawa realiti ekonomi pada masa kini telah membuktikan harga barangan keperluan di Sabah sememangnya sedia ada lebih tinggi jika dibandingkan di Semenanjung.

Timbalan Ketua Menteri III Datuk Ewon Benedick pula berkata Sabah sememangnya berhak mendapat kemudahan subsidi diesel memandangkan kedudukannya sebagai antara negeri pengeluar utama minyak serta gas di negara ini.

Menteri Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah itu berkata hasil bumi dari negeri tersebut telah banyak menyumbang kepada kemajuan pembangunan nasional sejak sekian lama.

"Pada pandangan saya, sudah tiba masanya kerajaan Persekutuan mengkaji bagaimana keperluan domestik diutamakan untuk negeri pengeluar ini, dan pulangan daripada hasil tersebut harus dikembalikan demi manfaat rakyat," tegasnya.

Ewon turut menegaskan bahawa walaupun masih wujud pelbagai tuntutan hak Sabah dan Sarawak yang belum dilaksanakan sepenuhnya, ia sama sekali tidak pernah menjejaskan semangat kerjasama erat dan perpaduan antara wilayah di Malaysia.-Bernama.

Harian Metro

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 8

# Sorok 400 liter diesel dalam dua tong drum

**Kudat:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Kudat merampas 400 liter minyak diesel disyaki diseleweng dalam serbuan di stor berhampiran Jalan Airport, di sini.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Cawangan Kudat Nazatul Shima Karim berkata, kejayaan rampasan itu adalah hasil operasi Ops Tiris 4.0 semalam.

Menurutnya, bahan api berkenaan disimpan dalam dua tong drum untuk kegunaan persendirian secara tidak sah.

"Seorang lelaki tempatan berumur 31 tahun dipercayai sebagai pemilik stor ditahan untuk tindakan lanjut mengikut Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu kesalahan berurusan dengan barang kawalan tanpa lesen atau kebenaran yang sah," katanya, semalam.

Beliau berkata, tindakan penguatkuasaan akan terus dipertingkatkan secara berterusan dan lebih agresif, terutama di kawasan yang dikenal pasti sebagai lokasi berisiko tinggi berlakunya aktiviti penyeludupan dan penyelewengan bahan api termasuk Kota Marudu, Pitas dan Pulau Banggi. - Bernama

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 7

# Syarikat logistik salah guna SKDS seludup diesel ke Thailand

**HAT YAI (THAILAND):** Pihak berkuasa tidak menolak kemungkinan beberapa lagi syarikat logistik Malaysia yang beroperasi di sempadan terlibat dalam kegiatan penyeludupan diesel ke negara ini menyalahgunakan Skim Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Pegawai Tenaga Wilayah Songkhla, Chakraphan Kingkaew berkata, siasatan awal ke atas sebuah syarikat logistik milik rakyat Malaysia di Sadao, Sabtu lalu, terdapat kemungkinan 100,000 liter diesel yang dirampas itu adalah bahan bakar seludup.

Katanya, syarikat terbabit mungkin mengeksploitasi jurang harga bahan api antara kedua-dua negara yang mana harga diesel di Malaysia adalah RM6.02 (48.72 baht) manakala harga di Thailand ialah 50.54 baht seliter (RM6.27).

"Tetapi syarikat logistik yang beroperasi di sempadan kedua-dua negara mempunyai SKDS membolehkan mereka membeli diesel pada harga lebih rendah iaitu hanya RM2.15 seliter (17.40 baht).

"Ini menyebabkan penyeludupan bahan api yang lebih murah ke Thailand untuk kegunaan atau dijual semula untuk mengaut untung lumayan berdasarkan perbezaan harga di negara ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.




**SYARIKAT logistik yang berulang-alik antara Thailand dan Malaysia didakwa menggunakan treler dipercayai mengisi minyak Skim Kawalan Diesel Bersubsidi sebelum menyimpannya di sekitar Sadao, Thailand.**

Chakraphan berkata, siasatan lanjut mendedahkan bahawa kaedah yang digunakan syarikat logistik terbabit adalah pengangkutan berskala besar menggunakan treler rentas sempadan.

Katanya, syarikat terbabit menggunakan treler untuk mengisi diesel subsidi di Malaysia kemudian memandu kembali ke Thailand dan menyimpannya di pusat penyimpanan tertentu.

"Ini adalah pengelakan undang-undang dan mungkin dikaitkan dengan rangkaian penyeludupan yang lebih besar. Siasatan diperluas kepada syarikat logistik lain di wilayah Songkhla kerana dipercayai mereka mungkin beroperasi sebagai rangkaian yang terlibat dalam aktiviti serupa," ujarnya.

Chakraphan berkata, penyeludupan diesel ke Thailand bukan sahaja menjejaskan hasil kerajaan tetapi juga mengganggu pasaran tenaga dan mungkin dikaitkan dengan jenayah transnasional.

Katanya, Polis Wilayah 9 telah memfailkan kes rampasan diesel di Sadao minggu lalu mengikut Akta Kawalan Bahan Api B.E. 2542.

"Tindakan undang-undang mengikut Akta Perdagangan Bahan Api B.e.2543 akan diambil sekiranya kualiti diesel itu tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Perniagaan Tenaga.

"Sampel bahan api telah dikumpulkan dan dihantar untuk pengesahan kualiti selanjutnya oleh Jabatan Perniagaan Tenaga. Jika kualiti bahan api didapati di bawah piawaian, tindakan selanjutnya akan diambil.

"Ketua Pengarah Jabatan Perniagaan Tenaga telah mengarahkan Pejabat Tenaga Wilayah Songkhla untuk meneruskan tindakan undang-undang terhadap syarikat yang berkenaan," ujarnya.

TheStar
HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 6

# No fuel supply disruption in Penang

GEORGE TOWN: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry office (KPDN) in Penang has advised the public not to panic following reports of fuel supply disruptions at several petrol stations in the state.

Its director S.Jegan said only one oil company, Shell, had reported a temporary supply disruption following a delay in the arrival of a delivery ship compared to the original schedule.

"Therefore, Shell is taking appropriate steps to address this issue. The results of a meeting also found that other brand petrol stations did not experience any problems and fuel can still be obtained easily," he said yesterday.

Jegan said so far, his party has only received one report involving a petrol station facing problems with the supply of RON95 while another five stations were affected in terms of diesel supply, all involving Shell petrol stations.

Earlier, a story went viral on social media about several petrol stations in Penang allegedly experiencing fuel supply problems, thus sparking concerns among consumers.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995
HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 15

# Sorok diesel tanpa kebenaran, lelaki ditahan

KUDAT: Tindakan seorang lelaki menyimpan diesel tanpa kebenaran membawa padah apabila stor miliknya diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Kudat dalam Ops Tiris 4.0 di sini.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Daerah KPDN Cawangan Kudat, Nazatul Shima Karim berkata, serbuan dilakukan di sebuah stor di Jalan Airport Kudat menerusi operasi harian penguat kuasa KPDN yang dijalankan bagi membanteras penyelewengan barang kawalan.

"Operasi itu sebahagian daripada tindakan susulan Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (Gempur) yang memberi fokus kepada usaha menangani ketirisan barang kawalan di pasaran.

"Hasil pemeriksaan, pasukan penguat kuasa menemukan kira-kira 400 liter minyak diesel disimpan tanpa kebenaran di dalam dua tong drum biru, dipercayai untuk kegunaan sendiri secara tidak sah," katanya.

Katanya, seorang lelaki tempatan berusia 31 tahun yang dipercayai pemilik stor berkenaan ditahan bagi membantu siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana berurusan dengan barang kawalan tanpa lesen atau kebenaran yang sah," katanya.

Menurutnya, KPDN akan terus mempergiatkan penguatkuasaan secara berterusan dan lebih agresif, khususnya di kawasan berisiko tinggi.

"Antara kawasan dikenal pasti termasuk Kudat, Kota Marudu, Pitas dan Pulau Banggi yang sering dikaitkan dengan aktiviti penyeludupan serta penyelewengan bahan api.

"Orang ramai digalakkan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyelewengan barang kawalan atau salah laku peniaga melalui saluran rasmi KPDN," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 1

# KPDN detains local man over illegal storage of 400 litres of diesel in Kudat

**KUDAT:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has detained a 31-year-old local man for allegedly storing 400 litres of diesel without authorisation at a store premises along Jalan Airport here.

Kudat KPDN chief enforcement officer Nazatul Shima Karim said the raid, carried out on Tuesday, was conducted following a public tip-off.

"The enforcement team discovered approximately 400 litres of diesel stored in two barrels, believed to be intended for personal use," Nazatul said in a statement.

The suspect, who is believed to be the owner of the premises, has been detained to assist in investigations.

The case is being investigated under Regulation 3(1), Supply Control Regulations 1974 for possession of controlled goods without a valid licence or permit.

KPDN has urged members of the public to report any illegal activities through its official channels, including the WhatsApp Aduan at 019-279 4317 or 019-848 8000, the e-Aduan portal, the call centre at 1-800-886-800, or via email at aduan@kpdn.gov.my, as well as the KPDN Ez ADU application.



KPDN enforcement uncovered 400 litres of diesel fuel in a store in Kudat.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 1

# Sorok diesel tanpa kebenaran, lelaki ditahan KPDN

Oleh Vivi Olviana Najurus



**DISERBU:** Rampasan diesel yang disembunyikan tanpa kebenaran.

**KUDAT:** Tindakan seorang lelaki menyimpan diesel tanpa kebenaran membawa padah apabila stor miliknya diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Kudat dalam Ops Tiris 4.0 di sini.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Daerah KPDN Cawangan Kudat, Nazatul Shima Karim berkata, serbuan dilakukan di sebuah stor di Jalan Airport Kudat menerusi operasi harian penguat kuasa KPDN yang dijalankan bagi membanteras penyelewengan barang kawalan.

"Operasi itu sebahagian daripada tindakan susulan Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (Gempur) yang memberi fokus kepada usaha menangani ketirisan barang kawalan di pasaran.

"Hasil pemeriksaan, pasukan penguat kuasa menemukan kira-kira 400 liter minyak diesel disimpan tanpa kebenaran di dalam dua tong drum biru, dipercayai untuk kegunaan sendiri secara tidak sah," katanya.

Katanya, seorang lelaki tempatan berusia 31 tahun yang dipercayai pemilik stor berkenaan ditahan bagi membantu siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana berurusan dengan barang kawalan tanpa lesen atau kebenaran yang sah," katanya.

Menurutnya, KPDN akan terus mempergiatkan penguatkuasaan secara berterusan dan lebih agresif, khususnya di kawasan berisiko tinggi.

"Antara kawasan dikenal pasti termasuk Kudat, Kota Marudu, Pitas dan Pulau Banggi yang sering dikaitkan dengan aktiviti penyeludupan serta penyelewengan bahan api.

"Orang ramai digalakkan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyelewengan barang kawalan atau salah laku peniaga melalui saluran rasmi KPDN," katanya.

Maklumat boleh disalurkan menerusi WhatsApp Aduan di talian 019-279 4317 atau 019-848 8000, portal e-aduan KPDN, talian Call Centre 1-800-886-800, emel aduan@kpdn.gov.my atau aplikasi Ez ADU KPDN.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 6

# KPDN raid uncovers 4,000 litres of diesel stored without permit

**KUCHING:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) foiled an attempt to misappropriate subsidised fuel when it raided a premises in Demak Laut here and seized 4,000 litres of diesel.

KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin said the operation was a joint effort with the Marine Police Force and Air Operations Force following intelligence gathered.

"The premises is believed to have been used as a storage site for diesel without a valid permit from the authorities.

"A total of 4,000 litres of diesel valued at RM8,600 was found stored in a skid tank," he said in a statement yesterday.

He said the case is being investigated under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 for possession or control of controlled goods under suspicious circumstances.

Individuals convicted under the Section can be fined up to RM1 million or jailed for up to three years, or both. For second and subsequent offences, they may be fined up to RM3 million or jailed for up to five years, or both.

"For companies, they may be fined up to RM2 million, and up to RM5 million for second and subsequent offences," he added.



KPDN photo shows the skid tank at the raided premises found to contain the diesel.

Matthew said KPDN Sarawak remains committed to strengthening strategic cooperation with other enforcement agencies, including the police, to curb the misappropriation of controlled goods, particularly diesel.

He added that firm action will be taken against any parties found to be involved in the misappropriation of government-subsidised goods.

He said the public may channel relevant information to the ministry via WhatsApp (019-848 8000), email (e-aduan@kpdn.gov.my), call centre (1-800-886-800), or via the Ez ADU app.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 5

# Kedah KPDN raid uncovers 288kg of illegally stored cooking oil

**BALING:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Kedah branch raided a residential premises in Kampung Sungai Limau last Sunday and found 288 kilogrammes (kg) of subsidised packet cooking oil stored without authorisation.

Its director, Muhammad Nizam Jamaludin, said the operation was carried out at about 11am by four enforcement officers from Baling after a week of surveillance following a complaint.

He said the premises was used for processing local snacks, and inspections found cooking oil believed to be used for frying chips.

"A 33-year-old local man, who claimed to be the owner, failed to produce a permit or approval to store the oil," he said in a statement on Wednesday.

A total of 288 one-kg polybag packets were seized for further investigation, with the value estimated at RM720. The case is being investigated under Section 21 of the Control of Supplies Act 1961 (Act 122).

KPDN reminded that any misuse of subsidised goods by individuals or groups goes against the interests of the public and the nation. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 7



Matthew (left) and Yeo during the courtesy visit in Kuching.

# MTPN, KPDN Sarawak collaborate to boost consumer education, anti-scam efforts

**KUCHING:** The National Consumer Action Council (MTPN) recently paid a courtesy call to the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sarawak office to strengthen collaboration on consumer protection and awareness initiatives.

The MTPN delegation, led by its national president Datuk Dr Kevy KV Yeo, was received by KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin.

Also present were MTPN deputy national president Prof Dr Jericho Tang and MTPN Sarawak chairman Lucas Lau.

According to MTPN, the visit aimed to enhance strategic cooperation in advancing consumer protection, digital awareness and community engagement efforts.

"MTPN remains committed to working closely with KPDN to enhance consumer protection efforts, particularly in ensuring the public has access to accurate and timely information on their rights," said Yeo in a statement following the visit.

During the meeting, MTPN provided updates on its role within the Gerakan Pengguna Negara (GPN) in Sarawak, including organisational restructuring of its Kuching branch and recent leadership appointments.

Yeo said both parties emphasised the importance of educating consumers on price comparison practices and personal data protection.

"With the rising threat of online scams, it is crucial that consumers are equipped with the knowledge to safeguard their personal information and make informed purchasing decisions," he said.

He added that an anti-scam initiative under the 'Go Digital' programme had been introduced, featuring the use of QR codes and barcode scanning to enable consumers to access official KPDN platforms directly for information and verification.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 4



JALIN KERJASAMA: Dr Kevy (tujuh kiri) menyampaikan cenderamata kepada Matthew (tujuh kanan) sambil diperhatikan mereka yang lain.

# MTPN perkukuhkan kerjasama strategik bersama KPDN Sarawak

**KUCHING:** Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN) memperkukuh kerjasama strategik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak dalam usaha memajukan perlindungan pengguna, kesedaran digital serta penglibatan komuniti.

Bagi mencapai matlamat dan kerjasama, Presiden Kebangsaan MTPN Dato Paduka Dr Kevy KV Yeo telah mengetuai delegasi mengadakan kunjungan hormat ke pejabat KPDN Sarawak yang disambut Pengarahnya Matthew Dominic Barin.

Menurut Dr Kevy, MTPN telah membentangkan kemas kini peranannya dalam Gerakan Pengguna Negara (GPN) Sarawak termasuk penstrukturan semula organisasi Cawangan Kuching serta pelantikan Lucas Lau sebagai Yang Dipertua di peringkat negeri dan cawangan.

"Kerjasama ini penting bagi memastikan penyampaian maklumat berkaitan hak pengguna dapat dilakukan secara tepat dan pantas kepada masyarakat," katanya.

Hadir sama ialah Timbalan Presiden Kebangsaan MTPN Profesor Dr Jericho Tang, Yang Dipertua MTPN Sarawak Lucas Lau serta Ahli Majlis MTPN Cawangan Kuching.

Tegas Dr Kevy, kedua-dua pihak telah menekankan kepentingan mendidik orang awam mengenai amalan perbandingan harga serta meningkatkan kesedaran berkaitan perlindungan data peribadi bagi membendung penipuan dalam talian yang semakin berleluasa.

Sementara itu, Matthew berkata pihaknya komited memperkukuh program pendidikan pengguna termasuk menangani jurang literasi digital, khususnya dalam kalangan komuniti luar bandar seperti peniaga dan pengguna di pasar awam serta pasar tani.

"Kami akan terus memperluas program jangkauan bersasar serta menyediakan alatan digital yang praktikal bagi meningkatkan kefahaman pengguna," katanya.

Beliau berkata, di bawah Program Jualan Rahmah MADANI, KPDN Sarawak akan memastikan kualiti dan keselamatan produk sentiasa terjamin selain menguatkuasakan tindakan tegas terhadap penjualan barangan tamat tempoh.

Dalam pada itu, inisiatif antipenipuan di bawah program 'Go Digital' turut diperkenalkan menerusi penggunaan kod QR dan imbasan kod bar bagi membolehkan pengguna mengakses platform rasmi KPDN untuk tujuan pengesahan dan maklumat.

Kunjungan itu mencerminkan usaha berterusan kedua-dua pihak dalam menyelaraskan pendidikan awam, penguatkuasaan serta inovasi digital bagi melindungi kepentingan pengguna di Sarawak.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 5

# Harga diesel Semenanjung RM6.72 seliter

**SHAH ALAM** - Harga runcit bagi diesel di Semenanjung terus meningkat kepada RM6.72 seliter bagi tempoh 9 April hingga 15 April susulan krisis tenaga dunia yang berlanjutan.

Ia menyaksikan peningkatan sebanyak 70 sen berbanding tempoh sebelumnya iaitu RM6.02 seliter.

Kementerian Kewangan (MoF) menerusi kenyataan memaklumkan, krisis berkenaan telah meningkatkan kos petroleum serta kos berkaitan termasuk logistik dan insurans.

"Walaupun terdapat penurunan harga minyak mentah global hari ini berikutan pengumuman gencatan senjata, kesannya tidak serta-merta diterjemahkan kepada penurunan harga runcit bahan api di Malaysia.

"Ini kerana harga pam di negara ini ditentukan berdasarkan purata harga petrol dan diesel minggu sebelumnya, bukannya harga semasa hari ini.

"Sehubungan itu, harga semasa masih mencerminkan kos bekalan yang tinggi sepanjang tempoh lima minggu lalu ketika pasaran global berada pada paras lebih tinggi, mencecah sekitar AS$150 setong bagi produk petrol dan AS$250 setong bagi produk diesel," katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Dalam pada itu, MoF memaklumkan, harga runcit bagi RON97 turut meningkat sebanyak 40 sen kepada RM5.35 seliter berbanding RM4.95 seliter sebelum ini bagi tempoh sama, manakala RON95 meningkat kepada RM4.27 seliter (RM3.87 seliter sebelum ini).

Kerajaan masih mengekalkan harga bersubsidi secara bersasar kepada rakyat dan sektor tertentu seperti RON95 (BUDI95) pada kadar RM1.99, diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan (RM2.15), Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (RM2.05) dan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (RM2.15) bagi setiap liter.

"Bermula 1 April 2026, had kelayakan BUDI95 diselaraskan kepada 200 liter sebulan. Pelarasan ini merupakan langkah sementara sehingga keadaan bekalan global kembali stabil," katanya.

Selain itu, MoF berkata, kerajaan turut melaksanakan had pengisian diesel bagi mengekang ketirisan dan penyeludupan di Sabah, Sarawak dan Labuan dengan 50 liter setiap pembelian bagi kenderaan ringan pengangkutan darat awam barangan dan persendirian.

Bagi kenderaan pengangkutan darat awam serta barangan tidak melebihi tiga tan pula dibenar sehingga 100 liter pada setiap pembelian manakala kenderaan melebihi tiga tan dibenar membuat pembelian sehingga 150 liter setiap kali.

"Sebagai langkah sementara susulan kenaikan harga diesel, kerajaan mengekalkan bantuan tunai tambahan BUDI Diesel sebanyak RM100 pada bulan April, menjadikan jumlah bantuan sebanyak RM300 kepada penerima BUDI Individu dan BUDI Agri-Komoditi.

"Kerajaan akan terus memantau perkembangan global secara rapi dan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan bekalan tenaga negara kekal stabil serta mencukupi, di samping terus melindungi rakyat menerusi mekanisme sokongan bersasar yang sedia ada," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 2

# 'Sabah, Sarawak diesel subsidy justified'

**KOTA KINABALU:** The federal government's decision to maintain the diesel subsidy at RM2.15 per litre in Sabah, Sarawak and Labuan is not an act of favouritism, but a necessity based on local socioeconomic conditions.

State leaders said the regions' vast and challenging geography makes diesel essential for daily movement, with both land and water transport relying on it to connect rural areas to towns and deliver basic goods.

Sabah Agriculture, Fisheries and Food Industry Minister Datuk Jamawi Jaafar said difficult terrain and limited road infrastructure make diesel-powered vehicles, particularly four-wheel drives, a necessity compared to Peninsular Malaysia.

He said the decision is appropriate and should be understood by the wider public.

"We thank Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim for maintaining the subsidy, as our geographical conditions and daily travel needs are very different," he told Bernama.

Jamawi urged the public to use the subsidy responsibly and help prevent misuse.

He said his ministry is in discussions with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) to ensure small-scale farmers benefit from the subsidy.

He also encouraged farmers to switch to compost fertiliser as a more cost-effective alternative amid rising prices of chemical fertilisers.

Meanwhile, former Sabah Youth and Sports Minister Tan Sri Liew Yun Fah said the subsidy is not unfair to other states.

The Parti Harapan Rakyat Sabah (PHRS) president said the move is justified given differences in basic facilities, road conditions and higher logistics costs.

He noted that Sabahans have long endured poorer road conditions without questioning the development gap.

"Travelling about 450 kilometres from Kota Kinabalu to Tawau takes nearly 10 hours, compared with about six hours for a 500-kilometre journey from Kuala Lumpur to Perlis.

"This is due to poor road conditions, a higher risk of vehicle damage and the lack of Rest and Recreation (R&R) areas," he said.

Sabah Education, Science, Technology and Innovation Minister Datuk James Ratib expressed hope the subsidy will be maintained to avoid a sharp rise in the cost of living.

He said higher fuel prices would directly increase transportation costs and, in turn, raise prices for consumers.

"Not everyone in Sabah is wealthy," he said, adding that essential goods are already more expensive than in Peninsular Malaysia.

Deputy Chief Minister III Datuk Ewon Benedick said Sabah deserves the subsidy as one of the country's main oil and gas-producing states.

Ewon, who is also Sabah Industrial Development, Entrepreneurship and Transport Minister, said the state's resources have long contributed to national development.

"It is time for the federal government to review the needs of this oil and gas-producing state and ensure the benefits are returned to the people," he said.

Ewon added that although some rights of Sabah and Sarawak have yet to be fully implemented, this has not affected the spirit of cooperation and unity among regions in Malaysia. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Bukan pilih kasih, subsidi diesel keperluan mendesak untuk Sabah

**KOTA KINABALU:** Keputusan kerajaan Persekutuan mengekalkan subsidi diesel pada kadar RM2.15 seliter di Sabah, Sarawak, dan Labuan bukan langkah "pilih kasih", sebaliknya ia keperluan mendesak berdasarkan realiti sosioekonomi di wilayah berkenaan.

Pemimpin negeri ini melihat faktor geografi yang luas dan mencabar menjadikan diesel sebagai nadi pergerakan utama rakyat marhaen, dengan pengangkutan darat mahupun air menggunakan bahan bakar tersebut untuk menghubungkan kawasan pedalaman ke pusat bandar terutama bagi membawa barang keperluan harian.

Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah Datuk Jamawi Jaafar berkata faktor muka bumi dan keadaan infrastruktur jalan raya yang mencabar menjadikan kenderaan berenjin diesel terutamanya pacuan empat roda sebagai keperluan utama penduduk berbanding di Semenanjung.

Beliau berkata situasi itu memperlihatkan keputusan kerajaan Persekutuan mengekalkan subsidi bahan api tersebut di negeri ini amat bertepatan dan wajar difahami oleh seluruh masyarakat luar.

"Kita mengucapkan terima kasih atas kebijaksanaan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengekalkan subsidi diesel di Sabah dan Sarawak kerana keadaan geografi dan keperluan perjalanan harian kita di sini jauh berbeza," katanya kepada Bernama.

Beliau dalam pada itu turut mengingatkan penduduk di negeri ini agar sentiasa menggunakan kemudahan subsidi tersebut secara berhemah dan bekerjasama mengelakkan penyelewengan.

Bagi melindungi kelangsungan pemain industri makanan pula, Jamawi memaklumkan pihaknya kini giat berunding dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memastikan petani kecil di Sabah tidak tercicir daripada manfaat subsidi berkenaan.

Beliau berkata bagi mendepani kenaikan kos operasi akibat ketidaktentuan harga pasaran baja kimia semasa pula, petani amat digalakkan untuk beralih kepada penggunaan baja kompos yang lebih kos efektif.

Sementara itu, bekas Menteri Belia dan Sukan Sabah Tan Sri Liew Yun Fah menegaskan pengekalan subsidi diesel di Sabah bukan satu bentuk ketidakadilan kepada negeri lain.

Presiden Parti Harapan Rakyat Sabah (PHRS) yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merotai itu berkata langkah tersebut sebaliknya amat wajar kerana mengambil kira realiti perbezaan ketara dari segi kemudahan asas, kualiti jalan raya serta kos logistik yang sangat tinggi.

Beliau menjelaskan bahawa rakyat di Sabah selama ini sentiasa bertoleransi apabila berdepan pelbagai kekangan jalan raya yang jauh lebih daif dan tidak mempersoalkan jurang pembangunan berkenaan.

"Jarak Kuala Lumpur ke Perlis dalam 500 kilometer (km) mengambil masa kira-kira enam jam sahaja, manakala perjalanan dari Kota Kinabalu ke Tawau yang sejauh kira-kira 450km mengambil masa hampir 10 jam.

"Perjalanan panjang ini berlaku kerana keadaan jalan yang teruk, kenderaan terdedah kepada kerosakan dan ketiadaan kawasan Rehat dan Rawat (R&R)," katanya.

Turut senada, Menteri Pendidikan, Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah Datuk James Ratib yang menzahirkan harapan agar kerajaan terus mengekalkan subsidi itu bagi mengelak lonjakan kos sara hidup rakyat.

"Sebarang kenaikan harga bahan api dikhuatiri akan mencetuskan kesan rantaian secara langsung terhadap peningkatan kos pengangkutan yang pada akhirnya terpaksa ditanggung oleh pengguna. Kita di Sabah bukan semua orang kaya," katanya.

James menjelaskan bahawa realiti ekonomi pada masa kini telah membuktikan harga barangan keperluan di Sabah sememangnya sedia ada lebih tinggi jika dibandingkan di Semenanjung.

Timbalan Ketua Menteri III Datuk Ewon Benedick pula berkata Sabah sememangnya berhak mendapat kemudahan subsidi diesel memandangkan kedudukannya sebagai antara negeri pengeluar utama minyak serta gas di negara ini.

Menteri Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah itu berkata hasil bumi dari negeri tersebut telah banyak menyumbang kepada kemajuan pembangunan nasional sejak sekian lama.

"Pada pandangan saya, sudah tiba masanya kerajaan Persekutuan mengkaji bagaimana keperluan domestik diutamakan untuk negeri pengeluar ini, dan pulangan daripada hasil tersebut harus dikembalikan demi manfaat rakyat," tegasnya.

Ewon turut menegaskan bahawa walaupun masih wujud pelbagai tuntutan hak Sabah dan Sarawak yang belum dilaksanakan sepenuhnya, ia sama sekali tidak pernah menjejaskan semangat kerjasama erat dan perpaduan antara wilayah di Malaysia. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: KHAMIS

TARIKH: 9/4/2026

M/SURAT: 1

## Lagi cubaan seleweng diesel bersubsidi berjaya dipatahkan

**KUCHING:** Cubaan menyeleweng diesel bersubsidi berjaya dipatahkan dalam satu operasi bersepadu di sebuah premis di Demak Laut, pagi semalam.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak Matthew Dominic Barin berkata, serbuan sekitar jam 9.30 pagi itu dijalankan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) dan Pasukan Gerakan Udara (PGU).

Menurutnya, premis berkenaan disyaki dijadikan tempat penyimpanan barang kawalan berjadual tanpa permit sah daripada pihak berkuasa.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati sebanyak 4,000 liter minyak diesel disimpan di dalam sebuah skid tank dengan anggaran nilai RM8,600.

"Jumlah keseluruhan rampasan termasuk peralatan di lokasi dianggarkan bernilai RM10,400," katanya dalam satu kenyataan semalam.



**GEMPUR:** Serbuan yang dijalankan ke atas premis berkenaan. — Gambar KPDN Sarawak

Beliau berkata, susulan itu satu kes telah dihasilkan di bawah Ops 555 dan Ops Jeriji mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dalam keadaan yang menimbulkan syak melakukan kesalahan.

Lihat Muka 2

## Lagi cubaan seleweng diesel bersubsidi berjaya dipatahkan

Dari Muka 1

Katanya, kes turut disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika sabit kesalahan, individu boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, denda boleh mencecah sehingga RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Bagi syarikat pula, denda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan berulang boleh dikenakan denda sehingga RM5 juta," jelasnya.

Matthew menegaskan KPDN Sarawak akan terus memperkukuhkan kerjasama strategik bersama agensi penguat kuasa lain termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membanteras penyelewengan barang kawalan, khususnya diesel.

Tambahnya, orang ramai diseru menjadi mata dan telinga pihak berkuasa dengan menyalurkan maklumat atau aduan melalui WhatsApp 019-848 8000, e-mel e-aduan@kpdn.gov.my, talian 1-800-886-800 atau aplikasi Ez ADU KPDN.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## 小餐饮业者仍使用补贴煤气

# 商用煤气上涨冲击待观察





群英饭店沈格纬。



威省咖啡茶商公会李国荣。



国联茶餐室黄传贵。

**（北海8日讯）商用液化石油气（LPG）自本月6日起调涨，是否将广泛冲击餐饮业，目前仍有待观察，因部分小型业者仍使用补贴家用煤气，实际影响程度未明。**

根据报道，此次调涨涉及未获政府补贴的商用液化石油气，其中14公斤桶每桶上调14令吉，50公斤桶则上调50令吉，相等于每公斤调涨约1令吉。目前14公斤商用煤气桶售价已从约70令吉涨至80多令吉，而50公斤商用桶售价则介于260至300令吉之间，视不同品牌及供应协议而定。

至于家用补贴煤气，目前仍维持每桶26令吉60仙，并未受此次调涨影响。

### 李国荣：业者多在观望调涨

威省咖啡茶餐商公会会长李国荣受访时表示，目前供应商尚未发出明确通知，业者大多只是从新闻报道中得知相关消息，实际情况仍有待进一步观察。

"现在还没有一个明确答案，大家只是看报道，在观望会不会真的全面调涨。"

他指出，若餐饮业普遍使用商用煤气，一旦价格上涨，势必增加经营成本；但若仍有部分小贩使用补贴煤气，则短期冲击或相对有限。

"若煤气、原材料及运输成本同时上涨，商家将难以完全吸收成本，最终可能需要调整售价。"

他也指出，目前市场上已有不少商品及食物价格陆续上涨，消费者对外食开销变得更为谨慎。

"现在一家四口外出用餐，动辄接近100令吉，不少人已减少到餐馆消费。"

### 沈格纬：煤气价未来可能波动

群英饭店东主沈格纬表示，由于近期休业，暂未接获供应商发出的涨价通知，不过相信随着国际局势变化，煤气价格未来仍可能波动。

他说，餐馆及外烩自助餐业务高度依赖煤气，尤其煮炒类食物需依赖火候，短期内难以以其他方式取代。

"我们餐馆每周大约使用15桶煤气，若外烩活动增加，用量还会更高。一旦涨价，成本肯定会上升。"

他坦言，在当前生意环境下，业者多倾向先自行吸纳部分成本，以维持客源。

"我们还是希望维持食物品质与价格稳定，不把全部压力转嫁给顾客。"

### 黄传贵：煤气上涨增经营压力

国联茶餐室东主黄传贵则指出，能源价格上涨往往会带动运输及整体成本上升，进而推高通胀。

他说，其茶餐室每周约使用10桶煤气，若价格上涨，无疑会进一步增加经营压力。

"商家虽然可以调整售价，但本身也是消费者，同样面对生活成本上升的问题。"

他认为，政府应采取措施减轻中低收入群体的负担，以缓和通胀带来的冲击。

## 内贸部：擅自上调LPG价

# 已传召石油气公司解释

国内一间石油气公司因擅自上调商业用途液化石油气（LPG）价格，引起关注，已被国内贸易及生活成本部（KPDN）传召解释。

内贸部周二晚发表文告指出，当局已留意到森美兰州相关公司调整液化石油气售价的情况，并澄清此次涨价仅涉及商业用途，不包括受政府补贴的家用石油气。

尽管如此，内贸部已依据《1961年供应管制法令》及《2011年价格管制与反暴利法令》，要求有关公司说明调价原因。

当局强调，任何统制品的价格变动，都必须事先向政府申报并获得批准，否则将面对执法行动。

内贸部也呼吁公众，如发现不实消息或欲作出投诉，可通过官方WhatsApp（019-848 8000）、客服热线（1-800-886-800）、电子投诉平台（https://eaduan.kpdn.gov.my）或"Ez ADU KPDN"应用程序向当局投报。

据早前报道，受中东局势紧张影响国际原油价格走高，我国商业液化石油气自本月6日起调涨，14公斤装每桶上涨14令吉，50公斤装则上涨50令吉。

有关消息在社交媒体流传后，引发部分民众误以为家用石油气价格同步上调。对此，相关公司已出面澄清，目前受补贴的家用石油气价格仍维持在每桶26令吉60仙。#

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 7



## 內貿局水警空警出擊

# 又是非法囤柴油

（古晋8日讯）全砂各地非法囤积柴油案件频发，国内贸易及生活费部砂分局执法人员联合水警及空警，于今早约9时30分在迪玛拉勿（Demak Laut）展开执法行动，侦破一起涉嫌滥用津贴柴油案件。

### 根据联合情报取缔

突击搜查是根据联合情报展开，执法人员怀疑该处被用作存放受管制物品，且未获得当局发出有效许可证。

初步检查结果显示，该处所藏受管制物品为柴油。进一步检查发现，在一个储油槽内存放4000公升柴油，价值8600令吉，整起案件所充公财物总值约1万400令吉。

当局已在“555”及“Jeriji”行动下开档调查，并援引1961年供应管制法令第21条文，以及1974年供应管制条例第3（1）条文展开调查。

根据1961年供应管制法令，一旦罪成，个人初犯可被罚款不超过100万令吉，或监禁不超过3年，或两者兼施。若属第二次及之后犯案，可被罚款不超过300万令吉，或监禁不超过5年，或两者兼施。若涉案者为公司，初犯可被罚款不超过200万令吉；第二次及之后犯案，则可被罚款不超过500万令吉。

为提高执法效率，内贸局呼吁公众积极举报经销商和贸易商的不当行为，并通过WhatsApp至019-8488000、电子邮件e-aduan@kpdn.gov.my、呼叫中心1-800-886-800，或通过EzADU KPDN智能手机应用程式提供信息或投诉。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 4

## 第二財長：減少濫用

# 研究大馬卡發柴油補貼

（吉隆坡8日讯）第二财长拿督斯里阿米尔韩查指出，政府正研究把大马卡机制扩展至柴油补贴，以提升补贴发放效率并减少滥用情况。

他说，透过大马卡进行补贴发放更具系统化，有助降低滥用风险，同时在不大幅改变消费者购买习惯的情况下，实现更有效的财政节省。

### 各地柴油使用模式不同

不过，他说，一旦落实，或将成为继Budi95后，进一步收紧补贴流失的关键措施。

第二财长拿督斯里阿米尔韩查指出，随着Budi95汽油补贴计划成功推行，政府正探讨把大马卡机制应用于柴油定向补贴系统的可行性，以提升补贴发放效率并减少滥用情况。

他说，由于各地柴油使用模式不同，特别是在沙巴与砂拉越，因此在推行大马卡机制前，必须进行更细致研究。

阿米尔韩查是在接受《每日新闻》专访时如此披露。他说，爱心援助金能在城市及乡区顺利发放，意味以大马卡为基础的柴油补贴并非不可行。

不过，他强调，有关措施仍需审慎评估，尤其在物流安排、使用模式及全国系统准备情况。

他说，在沙巴与砂拉越，柴油不仅用于交通工具，也广泛应用于乡区与长屋的发电用途。

“此外，部分地区缺乏传统加油站，依赖其他分销方式。”

他说，若要推行大马卡柴油补贴，政府必须确保供应不中断，并需要时间厘清所有潜在问题，以免成为实施障碍。

“这正是财政部与国内贸易及生活费部目前正在研究的其中一个面向。”




■政府正研究把大马卡机制扩展至柴油补贴，以提升补贴发放效率并减少滥用情况。

### 部分区缺乏传统加油站

政府较早前推行的定向补贴措施，是于2024年6月率先从柴油开始，并于2025年10月透过Budi95计划扩展至RON95汽油。

阿米尔韩查指出，由于RON95用户群庞大，涉及近1700万人，所以相关机制的落实需时更长。

他说，尽管Budi95初期推行时曾引发不同反应，包括民众关注加油站拥挤问题，但目前系统已逐渐稳定，并获得更广泛接受。

“每一项措施都让政府有机会从中学习并作出改进。”“我们的首要目标是确保人民不受负担，购买流程顺畅，同时达致节省开支与减少补贴流失的目标。”（LPP）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY
HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 6

# 阿米爾：Budi95成功堵流失

# 或准大馬卡添柴油

（吉隆坡8日讯）第二财长拿督斯里阿米尔韩查指出，政府正研究把大马卡机制扩展至柴油补贴，以提升补贴发放效率并减少滥用情况。

他说，透过大马卡进行补贴发放更具系统化，有助降低滥用风险，同时在不大幅度改变消费者购买习惯的情况下，实现更有效的财政节省。

他说，一旦落实，或将成为继Budi95后，进一步收紧补贴流失的关键措施。

阿米尔韩查指出，随着Budi95汽油补贴计划成功推行，政府正探讨把大马卡机制应用于柴油定向补贴系统的可行性，以提升补贴发放效率并减少滥用情况。

他说，由于各地柴油使用模式不同，特别是在沙巴与砂拉越，因此在推行大马卡机制前，必须进行更细致研究。

阿米尔韩查是在接受《每日新闻》专访时如此披露。他说，爱心援助金能在城市及乡区顺利发放，意味以大马卡为基础的柴油补贴并非不可行。



■阿米尔韩查：政府正研究把大马卡机制扩展至柴油补贴。（马新社图）

## 提升补贴发放效率减少滥用

不过，他强调，有关措施仍需审慎评估，尤其在物流安排、使用模式及全国系统准备情况。

他说，在沙巴与砂拉越，柴油不仅用于交通工具，也广泛应用于乡区与长屋的发电用途。

"此外，部分地区缺乏传统加油站，依赖其他分销方式。"

他说，若要推行大马卡柴油补贴，政府必须确保供应不中断，并需要时间厘清所有潜在问题，以免成为实施障碍。

"这正是财政部与国内贸易及生活费部目前正在研究的其中一个面向。"

政府较早前推行的定向补贴措施，是于2024年6月率先从柴油开始，并于2025年10月透过Budi95计划扩展至RON95汽油。

阿米尔韩查指出，由于RON95用户群庞大，涉及近1700万人，所以相关机制的落实需时更长。

他说，尽管Budi95初期推行时曾引发不同反应，包括民众关注加油站拥挤问题，但目前系统已逐渐稳定，并获得更广泛接受。

"每一项措施都让政府有机会从中学习并作出改进。"

"我们的首要目标是确保人民不受负担，购买流程顺畅，同时达致节省开支与减少补贴流失的目标。"（LPP）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY
HARI: KHAMIS
TARIKH: 9/4/2026
M/SURAT: 7

# 傅芝雅：基本運作模式差異
# 昌明超市一馬商店不應作比較

（八打灵再也8日讯）国内贸易及生活费部副部长傅芝雅驳斥国内一家报章指“昌明超市”（Madani Mart）与过去“一马人民商店”（KR1M）运作模式相似的说法，并形容相关比较“并不准确”。
